

Seludup minyak masak, KDN bertindak tegas

Radhuan Hussain

17 September 2019 5:32 PM

KUALA TERENGGANU 17 Sept. - Kementerian Dalam Negeri (KDN) hari ini memandang serius dan akan bertindak tegas terhadap aktiviti penyeludupan termasuk minyak masak kerana kegiatan itu jelas mendatangkan kerugian besar kepada negara dan rakyat.



TAN SRI ALWI IBRAHIM

Ketua Setiausaha di kementerian berkenaan, Tan Sri Alwi Ibrahim berkata, bagi tujuan itu, kerjasama dengan jabatan serta agensi lain termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di segi kawalan sempadan juga akan dilakukan bagi memastikan aktiviti penyeludupan seumpama itu dibanteras.

Pada masa sama, jelas beliau, kementeriannya akan meningkatkan kerjasama dengan agensi keselamatan lain termasuk Agensi Kawasan Sempadan Malaysia (Aksem) bagi menambah baik kawalan sempadan sambil mengakui kegiatan penyeludupan bukan hanya melibatkan sempadan laut malah juga di persempadanan darat.

"Memang kita fahami perkara ini (kerajaan kerugian RM600 juta setiap tahun akibat ketirisan subsidi minyak masak), ini satu kerugian pada kerajaan, oleh itu kita akan ambil tindakan tegas terhadap aktiviti seperti penyeludupan ini kerana ia menyebabkan kerugian besar kepada negara dan masyarakat.

"Kita sentiasa tambah baik kawalan-kawalan sempadan, kita akan bekerjasama dengan agensi-agensi lain termasuk KPDNHEP untuk pastikan penyeludupan barang diatasi," katanya.

Beliau menyatakan perkara itu kepada pemberita ketika mengadakan program Lawatan Kerja ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Cawangan Pusat Transformasi Bandar (UTC) Terengganu di PB Square di sini hari ini.

Yang hadir sama, Ketua Pengarah JPN, Datuk Ruslin Jusoh dan Pengarah JPN Terengganu, Mohd. Nasir Kareem.

Beliau diminta mengulas laporan eksklusif muka satut Utusan Malaysia hari ini mengenai kerugian mencecah ratusan juta ringgit setahun yang dialami kerajaan ekoran ketirisan subsidi minyak masak akibat kegiatan penyeludupan bahan itu ke luar negara.

' Alwi seterusnya menegaskan, beliau juga mengarahkan jabatan terlibat di bawah kementeriannya termasuk Maritim Malaysia agar sentiasa meningkatkan pemantauan di kawasan perairan negara bagi membendung kegiatan penyeludupan.

"Kita juga akan bekerjasama dengan jabatan lain untuk kita atasi masalah ini dan kerjasama masyarakat juga sangat penting dengan beri maklumat sekiranya ada kegiatan penyeludupan dan sebagainya," jelasnya.

